KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	26.08.22	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	PERHILITAN			

20

Jumaat, 26 Ogos 2022 BH

Rugi RM70,000 hasil kebun dimusnah gajah

Kuala Berang: Seorang pekebun di FELDA Mengkawang di sini, mengalami kerugian lebih RM70,000 selepas kebun miliknya diceroboh gajah sejak beberapa hari lalu.

Mat Rawi Osman, 70, berkata akibat kejadian itu sebanyak 1,000 pokok pisang, 3,000 pokok nanas, 35 pokok kelapa dan 30 pokok durian Musang King yang ditanam musnah.

"Selain pokok buah-buahan, pagar elektrik yang memagari kebun turut mengalami kerosakan angkara perbuatan 'tetamu tidak diundang' ini.

"Pisang sudah mengeluarkan hasil, manakala nanas pula sudah mengeluarkan bunga dan dijangka boleh dipungut hasilnya lima bulan lagi," katanya ketika ditemui, semalam.

Beliau berkata, pokok kelapa dan durian berusia setahun ditanam turut musnah dipijak gajah.

Katanya, sepanjang 20 tahun mengusahakan kebun buah-buahan, kejadian itu kali pertama dan hingga kini tiga kebun milik penduduk rosak dimusnahkan haiwan liar terbabit.

"Selain merosakkan kebun, gajah itu turut turun ke kawasan berhampiran kampung untuk mencari makanan dan ia mengusarkan penduduk di sini.

"Saya berhasrat menanam semula, namun bimbang kejadian sama berulang selagi gajah berkenaan tidak dipindahkan.

"Termenung saya sebaik melihat kebun dimusnahkan gajah memandangkan kebun yang sudah dan bakal mengeluarkan hasil musnah sekelip mata," katanya kakitangan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) juga sudah datang memantau gajah itu.

Tiga kebun jadi sasaran

Mat Rawi berkata, sejak seminggu lalu tiga kebun milik penduduk di Kampung FELDA Mengkawang dan Kampung Lubuk Periuk, menjadi sasaran gajah berkenaan.

"Bagi mengelak kejadian terus berulang anak saya menghidupkan unggun api pada waktu malam di kebun untuk menakutkan haiwan itu, namun ia hanya untuk sementara.

"Gajah yang menceroboh ini hanya seekor dan bukannya bergerak berkumpulan, namun kehadirannya tetap mendatangkan masalah kepada pekebun," katanya.



Mat Rawi menunjukkan pokok pisang dimusnahkan gajah liar.
(Foto Nazdy Harun/BH)